NO. SOALAN : 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]**
TARIKH	:	**25 OKTOBER 2017 (RABU)**

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Felda Global Ventures (FGV) mempunyai cadangan bagi memberi dividen khas atau dividen yang lebih tinggi kepada peneroka FELDA dan apakah terdapat apa-apa cadangan bagi insentif tambahan kepada peneroka selain daripada yang telah diumumkan sebelum ini.

99

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah syarikat senaraian awam, fokus FGV adalah kepada perniagaan untuk memberi keuntungan dan pulangan yang baik kepada pemegang saham termasuklah FELDA dan Peneroka sebagai pemegang saham terbesar.

FGV mempunyai dasar pemberian dividen sebanyak 50 peratus daripada keuntungan selepas cukai. Nilai dividen akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan prestasi kewangan dan alilran tunai tahunan syarikat. Sejak disenaraikan pada 2012, FGV tidak pernah gagal mengeluarkan dividen tahunannya bagi faedah pemegang saham.

Pihak FELDA sentiasa mencari kaedah untuk meningkatkan pendapatan peneroka serta mencari peluang-peluang pelaburan baru. Selain itu, FELDA juga memberikan pelbagai bentuk insentif kepada peneroka, terkini adalah enam (6) insentif yang diumumkan pada sambutan Hari Peneroka 2017.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**
TARIKH	:	**25 OKTOBER 2017**
SOALAN	:	**45**

YB Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menjamin keselesaan para pesakit di hospital-hospital Kerajaan yang kekurangan infrastruktur seperti katil serta alatan bantuan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha untuk meningkatkan bilangan katil dan menambahbaik sumber serta fasiliti di hospital kerajaan bagi menampung keperluan rakyat.

Matlamat KKM adalah meningkatkan bilangan katil secara berperingkat untuk mencapai nisbah 2.5 katil per 1,000 penduduk sejak Rancangan Malaysia Ke-11 bagi memenuhi keperluan rakyat. Bagi tahun 2014, bilangan katil di hospital-hospital KKM secara keseluruhan adalah sebanyak 40,260 buah katil dengan nisbah katil per 1,000 orang

penduduk adalah 1.89. Pada tahun 2015, jumlah keseluruhan katil hospital KKM adalah sebanyak 41,389 buah katil dengan nisbah 1.99 katil per 1,000 orang penduduk. Bilangan ini merangkumi jumlah katil di hospital kerajaan dan hospital swasta seluruh Negara. Projek pembangunan juga telah dirancang dan ada antaranya telahpun dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-11 dalam usaha KKM mencapai sasaran tersebut.

Bagi memastikan setiap pesakit mendapat rawatan yang berkualiti walaupun di hospital tanpa pakar, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan konsep Hospital Kluster. Hospital Kluster melibatkan gabungan satu hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar di dalam kawasan geografi yang sama. Sumber-sumber seperti sumber manusia, peralatan, fasiliti dan lain-lain akan dikongsi di antara hospital-hospital di dalam setiap kluster bagi memastikan sumber-sumber dioptimumkan penggunaannya. Ini dapat meningkatkan kecekapan dan efisiensi penyampaian perkhidmatan di hospital-hospital KKM.

Inisiatif Hospital Kluster telah mula dilaksanakan sejak 2014 dengan 3 buah Hospital Kluster rintis dan setakat 2017, 10 buah Hospital Kluster telah mula dilaksanakan melibatkan 36 buah hospital di lapan buah negeri. Hasil daripada pelaksanaan Hospital Kluster rintis pengoptimuman sumber telah dapat dilaksanakan dimana purata peratus penggunaan katil di hospital tanpa pakar telah meningkat daripada 54.6% sebelum pelaksanaan kluster kepada 61.7% selepas pelaksanaan kluster. Purata jumlah pesakit yang mendapat rawatan di klinik pakar hospital tanpa pakar telah meningkat daripada 258 kes

sebulan kepada 311 kes sebulan selepas pelaksanaan kluster. Melalui pelaksanaan kluster penggunaan fasiliti serta kemudahan kesihatan boleh dioptimumkan di antara hospital berpakar yang sesak dengan hospital tanpa pakar yang kurang sesak.

Selain itu, bagi mengoptimakan sumber sedia ada di hospital, inisiatif *Lean Healthcare* telah dilaksanakan. Antara langkah penambahbaikan (kaizen) yang diambil bagi masalah kekurangan katil di wad yang lebih sesak adalah dengan membenarkan gunasama katil di wad disiplin lain yang mempunyai kadar penggunaan katil yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM juga memantau kemudahan dan membaikpulih alat-alat rawatan di hospital-hospital awam seluruh negara bagi memastikan ia selaras dengan perkhidmatan yang disediakan atau dirancang. Usaha ini telah dijalankan secara berterusan mengikut keperluan pada setiap Rancangan Malaysia selaras dengan status fizikal dan perkhidmatan semasa di hospital-hospital tersebut.

Pembelian dan penggantian peralatan dijalankan mengikut keperluan dan keutamaan perkhidmatan. Bagi tahun 2016, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM 210,028,772.00 manakala pada tahun 2017 adalah sebanyak RM 47,827,000.00 untuk perolehan peralatan.

KKM juga menambahbaik infrastruktur dengan pembinaan hospital baharu, pembinaan hospital gantian, pembinaan blok tambahan untuk

hospital sedia ada, menaiktaraf hospital sedia ada, dan juga baik pulih serta ubah suai bangunan sedia ada.

Memandangkan naiktaraf serta penggantian peralatan akan melibatkan kos yang tinggi maka cadangan kerja-kerja menaiktaraf perlu dilaksanakan secara berfasa mengikut peruntukan yang disediakan.